

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2 June 2015

Jangan biar perkara lain ganggu perhatian - PM

■ PUTRAJAYA 1 JUN

DATUK Seri Najib Tun Razak mahu pehjawat awam memberi fokus penuh kepada pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) dan tidak membiarkan perkara lain mengganggu perhatian mereka.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan RMK-11 yang berteraskan prinsip propertumbuhan, prorakyat, propemiagaan, pembangunan lestari dan pembinaan bangsa merupakan lonjakan terakhir sebelum Malaysia memasuki gelanggang sebagai negara berpendapatan tinggi.

Beliau berkata, kerajaan mesti mengamalkan dasar yang merang-

sang kadar pertumbuhan tinggi atau sederhana tinggi kerana pertumbuhan yang kurang baik akan mengurangkan peluang pekerjaan selain menyukarkan pembahagian kekayaan secara lebih seimbang antara kumpulan etnik dan wilayah.

"Apabila berjaya mencapai peluang pertumbuhan yang memberangsangkan, kita boleh agihkan kekayaari. Kita mesti menjadi kerajaan yang prorakyat dengan melaksanakan ekonomi keperluan rakyat.

"Ini untuk menaikkan pendapatan isi rumah, memastikan kemahiran dan pendidikan rakyat yang lebih tinggi serta menangani masalah kos sara hidup," katanya ketika berucap dalam perhimpunan bula-

nan Jabatan Perdana Menteri di Dataran Perdana Putra di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri-Menteri di Jabatan Perdana Menteri; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Najib berkata, selain propertumbuhan dan prorakyat, dasar-dasar kerajaan juga perlu propemiagaan iaitu berteraskan peranan yang dimainkan oleh swasta dan syarikat milik kerajaan (GLC).

Perdana Menteri berkata, keputusan yang dibuat kerajaan tidak harus menjadi halangan kepada pemiagaan tetapi mesti membolehkan entiti korporat tersebut bergerak lebih laju serta menam-

bahkan pelaburan yang dibuat.

"Badan-badan korporat perlu menjadi pemacu kepada pertumbuhan ekonomi. Kita wujudkan ekosistem termasuk sistem penyampaian kerajaan yang propemiagaan.

"Apabila pemiagaan maju dan pelaburan bertambah, peluang pekerjaan akan meningkat dan penjaan kekayaan menjadi lebih mudah," katanya.

Najib berkata, pelaksanaan RMK-11 pada masa yang sama berteraskan prinsip mesra alam sekitar atau pembangunan yang lestari.

Beliau berkata, kerajaan juga perlu mengamalkan dasar yang dapat mengukuh perpaduan dengan berpaksikan kepada pendekatan wasatyyah dan prinsip-prinsip IMalaysia.



NAJIB TUN RAZAK ketika menghadiri perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri di pekarangan Bangunan Perdana Putra, Putrajaya, semalam. - BERNAMA